

SEJARAH RINGKAS MODEL REKA BENTUK PENGAJARAN

- Penggunaan model-model pengajaran secara sistematik sebenarnya bukanlah satu perkara yang baru.
- Mengikut Saettler (2004) terdapat bukti-bukti penggunaan model-model, teori-teori dan kaedah-kaedah pengajaran secara sistematik sejak awal lagi oleh pendidik-pendidik seperti Comenius, Pestalozzi, Montessori dan Herbart yang membangunkan sistem-sistem pengajaran.
- Sebagai contoh pada awal abad ke 19 lagi, Maria Montessori telah membangunkan salah satu sistem pengajaran yang saintifik dan sistematik. Beliau merupakan pendidik pertama yang membangunkan bahan-bahan pengajaran bergred berdasarkan kepada reka bentuk pengajaran yang spesifik (Saettler, 2004).
- Jadi pendidik-pendidik awal seperti Maria Montessori, John Dewey, Skinner, Brunner, Ausubel, Gagne, Briggs, Merrill, Reigeluth, Scandura, Landa dan lain-lain lagi sebenarnya telah meletakkan asas kepada perkembangan model-model reka bentuk pengajaran.
- Penggunaan model-model reka bentuk secara meluas berlaku semasa Perang Dunia kedua bila mana terdapat keperluan untuk melatih anggota tentera dengan pantas dan efektif serta mencapai objektif-objektif yang ditentukan.
- Jadi model-model reka bentuk digunakan untuk mencapai tujuan ini. Ini menunjukkan bahawa penggunaan model-model reka bentuk pengajaran secara sistematik mampu meningkatkan kualiti dan hasil pengajaran. Terdapat banyak model-model reka bentuk pengajaran dalam literatur.

Penggunaan model reka bentuk pengajaran secara sistematik didapati berkesan untuk mencapai objektif pembelajaran

- Secara umumnya berasaskan rangka kerja theoretical, sesuatu model reka bentuk pengajaran boleh didasari oleh sama ada teori behavioral, kognitif, konstruktivist atau konektivist.
- Pada masa kini Model reka bentuk pengajaran harus memberi penekanan terhadap strategi pembelajaran (pemusatan murid) daripada semata-mata strategi penyampaian pengajaran.
- Ia perlu beralih daripada pendekatan yang standard kepada pendekatan membina model yang boleh diubah suai mengikut keperluan individu berlandaskan pembelajaran Abad ke-21. Keadaan ini memberi lebih banyak pengalaman belajar dalam persekitaran bilik darjah mahupun melalui pembelajaran dalam talian.
- Oleh itu, ID model yang bersifat tradisional harus direka bentuk semula mengikut peredaran zaman di mana ia lebih berpusatkan murid daripada menumpukan kepada proses penyampaian sahaja.

Pada masa kini Model reka bentuk pengajaran harus memberi penekanan terhadap strategi pembelajaran (pemusatan murid) daripada semata-mata strategi penyampaian pengajaran. Ia perlu beralih daripada pendekatan yang standard kepada pendekatan membina model yang boleh diubahsuai mengikut keperluan individu berlandaskan pembelajaran Abad ke-21.